



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 31 OGOS 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	UBAH MASA DEPAN PERTANIAN, NASIONAL, SH -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4. 5. 6.	FAMA SELANGOR TAMBAH ENAM LAGI PASAR TANI, NASIONAL, BH -32 FAMA SEDIA BUKA PASAR SEGAR TERKAWAL, NEGARA, KOSMO -4 ENAM LAGI PASAR TANI, LOKAL, HM -26 FAMA BUKA PASAR TANI KHAS TEMCO, DALAM NEGERI, UM -12 SEGERAKAN PASAR TANI KHAS, NEGARA, KOSMO -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8.	1.2 TAN SAYURAN DIRAMPAS, LOKAL, HM -28 1.2 TAN SAYURAN DARI THAILAND DIRAMPAS, NASIONAL, BH -38	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	1,127 AGROPRENEUR MUDA TERIMA BANTUAN GERAN RM21.27 JUTA, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -32	UNIT AGROPRENEUR MUDA
10.	IDAM MILIKI LADANG FERTIGASI BERSKALA BESAR, K2, KOSMO -41	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Ubah masa depan pertanian

Penggunaan teknologi rangsang pertumbuhan, bantu produktiviti

Oleh HASNIZA HUSSAIN

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bakal melakukan beberapa perancangan dari sudut sumber manusia, teknologi dan automasi bagi memodenkan sektor agromakanan menjelang 2050.

Perkara itu dinyatakan Menteri, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pada Mesyuarat Kedua Persidangan Dewan Rakyat Penggal Ketiga Parlimen Ke-14, baru-baru ini.

Katanya, modul dan model pembelajaran pertanian pintar yang dirangka akan ditambah baik bagi menyediakan golongan belia tani masa depan melalui Latihan Flagship Program Agropreneur Muda.

Selain itu, menurutnya, terdapat program latihan jangka pendek dan jangka panjang untuk melahirkan pekerja mahir serta usahawan pertanian melalui penggunaan teknologi terkini melibatkan belia berumur 18 hingga 40 tahun.

Perancangan itu adalah bukti komitmen padu MAFI dalam membawa dan mendepani Malaysia ke arah satu tahap yang lebih baik dan fokus selepas 63 tahun negara merdeka.

Kejatuhan pertumbuhan ekonomi akibat pandemik coronavirus (Covid-19) ternyata

memberi impak besar kepada negara. Namun, beliau yakin dengan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) mampu menyuntik semangat dan kejayaan kepada rakyat.

Katanya, peruntukan sebanyak RM400 juta yang diterima MAFI di bawah Penjana adalah satu pelan yang komprehensif dan bertepatan bagi membantu memulihkan semula sektor dan aktiviti ekonomi yang terjejas dalam tempoh sukar ini.

## Jaminan kualiti

Sektor pengeluaran makanan negara memerlukan satu ekosistem yang melibatkan gandingan antara polisi, teknologi dan keusahawanan bagi menjamin golongan pengeluaran terdiri daripada peladang, petani dan penternak serta sektor pertanian itu sendiri.

Pakar Ekonomi Pertanian dari Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin berkata, bagi mewujudkan ekosistem tersebut, MAFI perlu mainkan peranan.

"Dari segi polisi, negara-negara maju umumnya mempunyai rekod sokongan yang kuat kepada sektor pengeluaran makanan.

"Justeru, untuk merangsang pelaburan yang menguntungkan kepada pengeluaran pertanian, insentif kepada sektor pengeluaran makanan perlu agar pulangan kepada pelaburan dalam pengeluaran makanan setanding dengan tanaman industri dan sektor lain dalam ekonomi," katanya



MAD NASIR

kepada *Sinar Harian* dalam satu wawancara baru-baru ini.

Selain itu, katanya, insentif perlu diberikan kepada penyelidikan dan penggunaan dalam teknologi sistem pertanian.

Menurutnya, salah satu punca produktiviti pertanian rendah di negara ini disebabkan kurang penggunaan teknologi sistem dalam amalan pertanian.

Pertanian perlu didedahkan dengan teknologi seperti sensor tanah dan air, pengesanan cuaca, percitraan satelit, automasi, pertanian menegak, IoT (internet kebendaan), kecerdasan buatan, nanoteknologi, penggunaan teknologi sistem kedudukan global (GPS) pertanian, robotik dan pertanian ketepatan.

"Sektor pertanian memerlukan petani yang mempunyai atribut keusahawanan yang boleh mengamalkan pengeluaran makanan secara komersial dan berteknologi tinggi," katanya.

Bagi menarik penyertaan anak muda dalam bidang pertanian,

Mad Nasir berkata, mereka perlu diberi kesedaran mengenai faedah pertanian sebagai satu kerjaya menguntungkan.

Menurutnya, sebelum ini golongan muda banyak didedahkan tentang sektor pertanian yang digambarkan sebagai tidak glamor, sektor sekunder dan tidak menguntungkan.

Pendapat konvensional bahawa sektor pertanian adalah pekerjaan kasar, pendapatan rendah dan tidak menjanjikan masa depan menyebabkan anak-anak muda lebih tertarik dengan pekerjaan dalam sektor komersial.

"Media termasuk media sosial boleh dimanfaatkan sebagai medium untuk menonjolkan imej pertanian yang lebih baik

dengan perkongsian kejayaan dan pengalaman antara anak muda dan petani muda.

"Pendidikan mengenai fakta asas makanan dan pertanian boleh dimulakan di sekolah rendah dan menengah bagi menarik minat mereka," katanya.

## Pendedahan ilmu

Pendapat sama disokong Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Negara, Profesor Madya Dr Shaufique Fahmi Ahmad Sidique.

Menurutnya, golongan yang berminat dengan sektor itu adalah mereka yang mempunyai latar belakang keluarga dalam bidang pertanian kerana sudah tahu selok-belok bidang tersebut.

"Jadi untuk menarik minat golongan muda yang bukan daripada latar belakang keluarga pertanian, ia memerlukan satu galakan serta pendedahan dari segi ilmu dan latihan.

"Sebab itu di universiti ada program atau kursus pertanian yang melengkapkan pelajar bukan saja dari segi ilmu teknikal tetapi juga ilmu keusahawanan.

"Kita tidak mahu mereka jadi sekadar petani tetapi menjadi usahawan tani. Mereka terlibat bukan saja dari segi pengeluaran pertanian tetapi juga dalam aspek pemrosesan dan pemasaran produk," katanya.



SHAUFIQUE FAHMI

## REAKSI

Semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diarah agar melaksanakan program dan inisiatif yang diberi kerajaan dengan cepat supaya golongan sasaran mendapat manfaat dan hasrat kerajaan tercapai. Kesemua inisiatif yang diumumkan oleh Perdana Menteri ketika negara berdepan pandemik Covid-19 termasuk Penjana bertujuan membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk peladang, penternak, nelayan serta pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaannya masing-masing dengan terus menyumbang kepada industri agromakanan negara. Impak kepada pakej-pakej rangsangan ekonomi perlu kita capai sepertimana dirangka agar akhirnya ekonomi negara berjaya dipulihkan. Ini bertujuan untuk memperkasakan pertumbuhan peladang dan ahli-ahlinya.

- Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Azulita Salim



Norazemi di ladang jagung madu yang diusahakannya di Tanjong Karang, Selangor.

Sebelum ini saya hanya fokus kepada satu tanaman iaitu jagung madu dan kini sedang mengembangkan kepada penanaman cili bara bagi meningkatkan lagi pendapatan. Saya harap dapat mempelbagaikan lagi hasil tanaman pada masa depan dan mempunyai pusat jualan sendiri bagi menjual secara terus produk pertanian saya dan rakan-rakan petani lain di kawasan Tanjong Karang dan Sungai Burong kepada pengguna. Besar juga harapan saya untuk melihat kerajaan mencari satu mekanisme bagi menyelesaikan isu orang tengah yang suka 'main harga' dan membelenggu petani untuk memperoleh pulangan atau hasil yang diusahakan."

- Petani, Norazemi Ahmad Zaman, 38

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	32

## FAMA Selangor tambah enam lagi pasar tani

**Shah Alam:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor akan membuka enam lagi pasar tani di negeri itu sebagai tambahan kepada 43 pasar tani yang beroperasi sejak 16 Ogos lalu.

Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri, berkata agensi itu kini mengumpul usahawan untuk berniaga di pasar tani berkenaan.

Katanya, segala urusan dengan pihak berkuasa tempatan sudah diselesaikan, malah lokasi juga sudah ditetapkan.

"Kini hanya tinggal pendaftaran untuk usahawan. Kita yakin bulan depan kita akan dapat beroperasi," katanya ketika ditemui pada program Kempen Kibarkan Jalur Gemilang Hari Kebangsaan Ke-63 di Pasar Tani Stadium Shah Alam, di sini, semalam.

Tiga daripada pasar tani baharu itu terletak di daerah Petaling, dua kawasan di Sepang dan satu di Kuala Langat.

Mengenai Pasar Tani Stadium Shah Alam, Abdul Rashid berkata, pasar tani setiap Ahad yang mempunyai 200 tapak niaga itu sudah beroperasi untuk minggu ketiga.

"Hari ini (semalam) ada seramai 180 peniaga yang beroperasi. Kita (FAMA) yakin pada minggu depan semua usahawan yang berdaftar akan mula berniaga melihat kepada sambutan pengunjung di lokasi baharu ini di pekarangan kawasan letak kereta Stadium Shah Alam," katanya.

Mengenai perlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) hingga 31 Disember tahun ini, Abdul Rashid berkata, FAMA Selangor mempergiatkan usaha memasarkan hasil petani dan penternak menerusi pasar tani.

"Melihatkan keadaan ekonomi semakin bagus dengan semakin ramai berkunjung ke pasar tani FAMA, petani dan penternak tidak akan menghadapi masalah untuk memasarkan hasil mereka," katanya. BERNAMA

# FAMA sedia buka Pasar Segar Terkawal

**SUNGAI PETANI** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah bersedia untuk membuka pasar tani khas yang dikenali sebagai Pasar Segar Terkawal di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran.

Pengarahnya, Isa Hamzah berkata, pihaknya bagaimanapun perlu menunggu maklum balas daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Pejabat Daerah Kuala Muda untuk membuka pasar tersebut.

"FAMA Kedah bersedia sekiranya terdapat keperluan dan kebenaran MKN untuk membuka Pasar Segar Terkawal di kawasan PKPD di Ambangan Heights ini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kata beliau, FAMA sebelum ini membuka dua pasar tani khas tersebut di daerah

Kubang Pasu iaitu di pекarang Pusat Transformasi Luar-Bandar (RTC) Napoh dan Kampung Bendang Dalam yang dikenakan PKPD susulan penularan Kluster Sivagangga.

"Pasar tani khas itu menyediakan barang makanan terutama barang basah seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran kepada penduduk yang dilarang keluar dari kawasan PKPD," ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan penduduk di tiga zon di Ambangan Heights mengeluh apabila hanya sebuah kedai runcit yang menjual barang basah dibuka di kawasan tersebut.

Sementara itu, UMNO Bahagian Sungai Petani melalui Ketua Bahagiannya, Datuk Shahamim Mohamad Yusuff menyumbangkan 500 kilogram ikan kembung segar yang dibeli daripada nelayan di Pasar Bisik Kota Kuala Muda di sini.



ABDUL Rashid (kiri) mengedarkan Jalur Gemilang kepada pengunjung di Pasar Tani Stadium Shah Alam, semalam.

# Enam lagi pasar tani

*Fama Selangor kini giat kumpul usahawan untuk buka bisnes*

**Bernamea**

**Shah Alam**

**L**embaga Permasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Selangor akan membuka enam lagi pasar tani di negeri itu sebagai tambahan kepada 43 pasar tani yang beroperasi sejak 16 Ogos lalu.

Pengarah Fama Selangor, Abdul Rashid Bahri berkata, agensi itu kini sedang mengumpul usahawan untuk berniaga di pasar tani berkenaan.

"Segala urusan dengan pihak berkuasa tempatan kami sudah selesaikan, malah lokasi juga ditetapkan, kini hanya tinggal pendaftaran untuk usahawan. Kami yakin bulan depan dapat beroperasi," katanya pada Kempen Kibarkan Jalur Gemilang Hari Kebangsaan Ke-63 di Pasar Tani Stadium Shah Alam di sini, semalam.

Menurutnya, tiga daripada pasar tani baharu itu terletak di

daerah Petaling, dua di Sepang dan satu di Kuala Langat.

Mengenai Pasar Tani Stadium Shah Alam, Abdul Rashid berkata, pasar tani setiap Ahad yang mempunyai 200 tapak niaga itu beroperasi untuk minggu ketiga.

"Kini ada 180 peniaga yang beroperasi, kami (Fama) yakin minggu depan semua usahawan yang berdaftar akan mula berniaga," katanya.

Mengulas mengenai pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PK-PP) hingga 31 Disember ini, Abdul Rashid berkata, Fama Selangor akan mempergiatkan lagi usaha memasarkan hasil petani dan penternak melalui pasar taninya.

"Melihatkan keadaan ekonomi yang semakin bagus tngan semakin ramai berkunjung ke pasar tani Fama, petani dan penternak tidak akan mempunyai masalah untuk memasarkan hasil mereka," katanya

31/8/2020

UTUSAN

DALAM

12

MALAYSIA

NEGERI

## FAMA buka pasar tani khas Temco

**SUNGAI PETANI:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah akan membuka pasar tani khas untuk kemudahan penduduk Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco).

Pengarahnya, Isa Hamzah berkata, Pasar Segar Terka-mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Pejabat Daerah Kuala

Muda.  
Menurutnya, pasar tani khas itu menyediakan barang ma-

kanaan terutama barang seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran kepada penduduk di kawasan Temco terbahit.

"FAMA Kedah bersedia membuka pasar tani khas di kawasan Temco di Ambangan Heights sekiranya terdapat keperluan dan kebenaran MKN, dan Pejabat Daerah Kuala Muda," katanya di sini semalam.

Selain itu, beliau memberitahu, pelaksanaan pasar tani khas itu nanti akan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan bagi mengesok penularan Covid-19.

Katanya, FAMA Kedah sebelum ini membuka dua pasar tani khas di kawasan Temco di daerah Kubang Pasu iaitu pekarangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Napohi dan Kampung Bendang Dalam.

"Di kawasan Temco, hanya ketua keluarga yang dibenarkan keluar membeli barang termasuk di kawasan pasar tani, ujarnya.

Beliau menambah, pihaknya akan memikirkan tindakan lanjut berhubung pembukaan pasar tani khas itu selepas mendapat kebenaran daripada MKN.



**KENDERAAN** Jabatan Kebajikan Masyarakat membawa makanan untuk penduduk di Ambangan Heights, Amanjaya, Sungai Petani, semalam.

Penduduk bergantung kepada perkhidmatan penghantaran

# Segerakan pasar tani khas

Oleh OTHMAN YAHAYA

**SUNGAI PETANI** – Penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor di Ambangan Heights, Amanjaya di sini, merayu supaya pasar tani khas yang menjual barang basah dibuka di kawasan perumahan itu dengan segera.

Bata-rata penduduk yang dikenakan arahan kuarantin di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Dipertketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran itu resah apabila bekalan barang basah di rumah seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran semakin berkurangan.

Mereka memberitahu, hanya sebuah kedai runcit yang menjual barang basah dalam kawasan PKPD dibuka sejak kelmarin.

Sebahagian penduduk sebelum ini membeli barang basah daripada peniaga luar yang masuk berniaga menggunakan van, lori atau gerai tepi jalan di tiga zon tersebut.

Tinjauan yang dilakukan di sekatan jalan raya (SJR) PKPD pada semalam mendapati penduduk terpaksa mendapatkan perkhidmatan penghantaran selain meminta bantuan ahli ke-



**PENDUDUK** memenuhi satu-satunya kedai runcit yang menjual barang basah di Zon Melor, Ambangan Heights, Amanjaya di Sungai Petani semalam.

**KERATAN Kosmo!** semalam.

uarga atau kenalan yang tinggal di luar kawasan itu untuk mendapatkan bekalan makanan termasuk barang basah.

Penduduk Zon Mawar, Zarina Chik, 51, berkata, dia berharap Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat membuka pasar tani khas di kawasan perumahan itu dengan kadar segera.

"Lagi cepat pasar tani ini dibuka di sini, lagi bagus kerana kami tidak perlu lagi bergantung kepada perkhidmatan penghantaran," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Mu-

hammad Muazzim Roslan, 32, berkata, barang basah merupakan keperluan utama penduduk yang dikenalkan perintah kuarantin.

"Kewujudan segera pasar tani khas di kawasan kuarantin ini amat dialu-alukan," ujarnya.

Penduduk Zon Melor, Muhammad Mujahid, 25, berkata, selain sukar mendapat makanan basah, penduduk juga berdepan kesulitan untuk mengeluarkan wang dari mesin pengeluaran wang automatik (ATM).

"Kami tidak boleh keluar ke ATM yang hanya terletak kira-kira tiga kilometer dari kawasan ini dan keadaan itu menyebabkan wang yang ada semakin berkurangan," tambahnya.

## 1.2 tan sayuran dirampas

**Pedang Besar:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perlis merampas 1.2 tan sayuran yang dibawa masuk secara tidak sah dari Thailand di Unit Kargo Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (KCQS) di sini.

Pengarah Maqis Perlis, Mohamad Arshad Raffin berkata, pihaknya menahan lori dipandu lelaki berusia lingkungan 40-an yang sarat muatan daun limau purut dan ubi keladi pada jam 3:30 petang, Jumaat lalu.

"Pemeriksaan lanjut mendapati semua sayuran itu tidak mempunyai permit import dan pemandu mengaku hanya menjadi pemandu manakala sayuran milik individu lain," katanya menerusi dalam kenyataan, semalam.

Mohamad Arshad berkata, tindakan kompaun dikeluarkan ke atas pemilik barangan berkenaan dan sayuran serta lori elisita untuk sitaan mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Pihak Maqis ingin mengingatkan bahawa perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa satu permit sah adalah satu kesalahan dan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun," katanya.



MAQIS merampas 1.2 tan sayuran yang dibawa masuk secara tidak sah dari Thailand ke Perlis ini.





## 1.2 tan sayuran dari Thailand dirampas

**Padang Besar:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Perlis merampas 1.2 tan sayur yang dibawa masuk secara tidak sah dari Thailand, di Unit Kargo Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini, petang kelmarin.

Pengarah MAQIS Perlis, Mohamad Arshad Raffin, berkata sebuah lori dipandu lelaki berusia lingkungan 40 tahun itu membawa muatan berisi daun limau purut dan ubi keladi.

Katanya, hasil pemeriksaan ke atas lori terbabit kira-kira jam 3.30 petang itu mendapati semua sayuran berkenaan tidak mempunyai permit import yang dikeluarkan oleh MAQIS.

"Kami menyita semua dagangan terbabit dengan nilai rampasan dianggarkan bernilai RM1,249.

"Hasil soal siasat, pemandu terbabit mengaku hanya membawa muatan berkenaan dan semua bebarang terbabit dimiliki oleh individu lain," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamad Arshad berkata, kompaun dikeluarkan ke atas pemilik barang itu dan semua barang, termasuk lori disita.

Headline	1,127 agropreneur muda terima bantuan geran RM21.27 juta		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	31 Aug 2020	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	32	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	643 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,827
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,480



# 1,127 agropreneur muda terima bantuan geran RM21.27 juta



**KAMPAR:** Seramai 1,127 agropreneur muda menerima bantuan geran berjumlah RM21.27 juta menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM)

sejak 2016, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.63 juta diperuntukkan untuk sektor tanaman melibatkan seramai 380 peserta manakala sektor perikanan (61 peserta) dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta.

Katanya bagi sektor penternakan melibatkan seramai 459 peserta dengan menerima bantuan geran berjumlah RM9.24 juta manakala 227 orang lagi menerima bantuan geran bernilai RM3.18 juta untuk bidang pemprosesan makanan.

"Bantuan geran ini merangkumi semua bidang di bawah agromakanan iaitu tanaman, perikanan, ternakan, industri makanan dan pemasaran.



**PERALATAN PERTANIAN...** Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (tiga, kanan) menyampaikan peralatan pertanian kepada Muhamad Faris Mohd Fozi (tiga, kiri) yang merupakan salah seorang penerima Geran Agropreneur Muda ketika melawat projek tanaman nanas MD2 di Taman Seri Raia, Kampung Kepayang, Ipoh baru-baru ini. •Foto BERNAMA



**LAWATAN DI PROJEK TANAMAN NANAS MD2...** Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (kanan) menunjukkan nanas ketika mengadakan lawatan di projek tanaman nanas MD2 milik Muhamad Faris Mohd Fozi (dua, kanan) yang merupakan salah seorang penerima Geran Agropreneur Muda di Taman Seri Raia, Kampung Kepayang, Ipoh baru-baru ini. •Foto BERNAMA

"Pada tahun ini sehingga kini, di negeri Perak sahaja, seramai 17 agropreneur muda telah diluluskan geran berjumlah RM333,600," katanya selepas merasmikan program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) Perak di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng, dekat sini baru-baru ini.

Che Abdullah berkata sehingga kini, seramai 6,063 agropreneur muda di seluruh negara telah menerima kelulusan untuk Geran dan Pembiayaan

Khas Agropreneur Muda melibatkan peruntukan sebanyak RM108.29 juta.

Pada program itu, beliau melawat projek tanaman nanas MD2 dan 'crystal honey' milik Muhamad Faris Mohd Fozi, 23, yang menerima bantuan GAM bernilai RM20,000 pada tahun ini. Muhamad Faris ketika ditemui pemberita berkata beliau mula mencubai penanaman nanas sejak 2016 di kawasan seluas 1.11 hektar di Gua Tempurung, di sini.

Katanya, beliau telah memperluaskan lagi tanaman itu di tanah seluas 4.468 hektar di Taman Seri Raia, Kampung Kepayang, di sini, selepas mendapat bantuan Geran Agropreneur Muda.

"Program ini telah memberi manfaat kepada golongan belia untuk mencubai bidang pertanian," katanya, sambil menambah beliau memperoleh pendapatan lebih RM50,000 setahun dengan mengusahakan tanaman nanas. - Bernama



HAFIZUDDIN ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Tumbuhan dari UIAM.

HAFIZUDDIN berazam untuk memajukan diri dengan memiliki ladang fertigasi berskala besar suatu hari nanti.



## Idam miliki ladang fertigasi berskala besar

IGen

5 soalan

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

**S**EJAK kebelakangan ini, isu graduan muda yang mengangur hangat diperkatakan. Lebih membimbangkan apabila kajian mendedahkan, lebih 60 peratus graduan

masih tidak bekerja biarpun selepas setahun menamatkan pengajian.

Ini sekali gus menunjukkan kejayaan melanjutkan pengajian di menara gading kini bukanlah jaminan buat anak-anak muda untuk mendapat pekerjaan makan gaji yang selesa.

Tidak mahu berhadapan dengan nasib sama, anak muda kelahiran Batu Pahat, Johor, Hafizuddin Sa'adan, 26, mengambil inisiatif mengusahakan tanaman fertigasi di kampungnya untuk

menjana pendapatan tambahan.

Usaha tersebut ternyata menunjukkan graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Tumbuhan yang juga merupakan penerima Anugerah Rektor pada majlis Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2018 ini tidak selektif dalam memilih kerjaya.

Kejayaan Hafizuddin tular di Twitter dan mendapat pujian warga maya hingga ada yang menjadikannya sumber inspirasi.



HAFIZUDDIN mengusahakan tanaman fertigasi di sebidang tanah seluas 0.4 hektar.

2

**Bagaimana saudara boleh menceburkan diri dalam pertanian?**

Saya lahir daripada keluarga pendidik yang mana ibu dan ayah adalah seorang guru. Abang pula peniaga dan sewaktu berumur 17 tahun, abang sudah mula bertani.

Bagaimanapun, pertanian tersebut gagal diketengahkan akibat masalah hasil tanaman yang sukar untuk dijual. Daripada situ, saya sudah mula mendapat pendedahan dalam bidang pertanian.

Justeru, sebaik tamat Sijil Pelajaran Malaysia, saya nekad untuk mengambil jurusan pertanian iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Tumbuhan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan harapan dapat membantu abang meneruskan aktiviti pertanian.

3

**Memiliki kelulusan yang baik tetapi memilih untuk menjadi petani. Boleh saudara ceritakan bagaimana penerimaan keluarga apabila anda mula bercucuk tanam?**

Bagi keluarga saya, mereka menerima segala usaha dan cita-cita saya. Individu yang banyak berikan dorongan dan tunjuk ajar pastinya ibu dan abang. Bagi kami, bidang pertanian adalah kerja yang sangat mulia dan diberkati kerana perlu mengerah kudrat badan.

4

**Siapa sah sumber inspirasi saudara untuk terus maju ke hadapan?**

Ketika mula bertani, saya memang tiada sumber inspirasi dan hanya mendapatkan tunjuk ajar daripada sahabat, keluarga dan rakan sekerja. Mereka banyak membantu membangunkan ladang ini.

Disebabkan tiada pengalaman mengusahakan ladang fertigasi, saya berdepan kesukaran untuk menyediakan tapak. Awalnya, saya sangka penyediaan tapak seperti pembinaan pagar dan pondok mudah, rupanya agak rumit. Namun, saya nekad untuk bertani kerana ingin mempraktikkan ilmu dimiliki, selain dapat menjana pendapatan sebelum memasuki alam perkahwinan. Saya berazam, dalam tempoh 10 tahun lagi untuk memiliki tanaman fertigasi berskala besar dan berteknologi tinggi.

5

**Sekarang ramai graduan yang sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Apakah pandangan saudara?**

Bagi saya, faktor utama pengangguran graduan adalah kerana mereka kekal mahu mendapatkan kerja mengikut minat atau bidang pengajian.

Pelajar lepasan sekolah hari ini juga melihat universiti sekadar perstinggahan sebelum memasuki alam pekerjaan sedangkan mereka boleh terus bekerja jika mahu misalnya dengan menceburi bidang perniagaan. Cuma, jika minat yang tinggi ditambah ilmu yang mencukupi daripada institusi pengajian tinggi akan menjadikan seseorang itu lebih bijak merencanakan kerjaya.

Buat mereka yang masih mencari kerja, teruskan mencari. Sebaliknya tambahkan nilai pada diri dari segi ilmu dan juga kemahiran. Ingatlah, bukan permulaan yang menentukan kejayaan kita, tetapi pengakhiran itulah yang penting.